

07 OCT 2000

Mahathir-Cambridge

MALAYSIA TAK TIRU NEGARA MAJU, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Wan A. Hulaimi

CAMBRIDGE, 7 Okt (Bernama) -- Malaysia akan menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 mengikut acuannya sendiri dan tidak meniru mana-mana negara maju yang ada sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam ucaptamanya pada persidangan mengenai "Malaysia pada Alaf Baru" anjuran Persatuan Universiti Cambridge Malaysia di sini, Perdana Menteri berkata Malaysia akan terus menjadi negara demokrasi tetapi bukannya demokrasi bebas sehingga membolehkan apa saja diterima tanpa soalan semata-mata atas nama demokrasi.

"Demokrasi bertujuan berkhidmat untuk kita, bukannya kita berkhidmat untuk demokrasi," katanya.

Sambil menjangkakan Barat akan membuat kecaman, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak mengendahkannya "kerana kita sentiasa tahu apa yang baik buat kita".

Walaupun mengakui dirinya bukan pakar ramalan yang baik, Dr Mahathir berkata beliau optimis Malaysia akan menjadi negara yang stabil dan maju dengan pantas menjelang 2020 kerana beliau yakin rakyat Malaysia akan berusaha bersungguh-sungguh membawa senario terbaik untuk negara mereka.

"Kerajaan yang ada sekarang berazam mencapai Wawasan ini. Saya yakin kebanyakan rakyat Malaysia mempunyai keazaman yang sama," katanya.

Katanya sebagai sebuah negara maju di alaf baru ini, beliau menjangkakan Malaysia akan mempunyai penduduk lebih 30 orang yang rajin bekerja serta mengutamakan keamanan dan mereka akan dihormati serta dipercayai oleh masyarakat dunia.

Perdana Menteri berkata beliau yakin bahawa rakyat Malaysia sama ada Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan yang lain, secara amnya adalah manusia yang bertimbang rasa dan berpendirian sederhana.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata: "Tidak ada siapa yang boleh pastikan apa yang akan berlaku di masa depan. Kita hanya boleh meneka. Kita boleh membuat perbandingan dengan menganalisis apa yang berlaku di masa lepas tentang perwatakan dan fikiran manusia, tentang kecenderungan dan kemajuan di negara lain. Tetapi kita tidak boleh menjadi pasti."

Katanya dengan menukar kerajaan semata-mata kerana ingin menukar boleh membawa padah kepada negara akibat daripada keadaan tidak pasti yang akan wujud.

Ada yang berkata bahawa untuk memilih parti yang sama secara berulang kali adalah tidak demokratik dan dengan itu, ada kemungkinan Malaysia akan mengalami perubahan kerajaan dengan lebih kerap di masa depan, katanya.

Pertukaran itu bermakna kerajaan yang dipilih akan mengubah kebanyakan rancangan dan dasar kerajaan sebelumnya, dan ini menimbulkan banyak keburukan.

"Mungkin pertukaran itu baik untuk negara. Tetapi pertukaran mewujudkan keadaan tidak menentu, dan keadaan tidak menentu boleh merosakkan.

"Menukar kerajaan mungkin dianggap demokratik tetapi ianya merosakkan. Ia menjejaskan kerajaan dengan teruk. Sekali lagi, kita kena pertimbangkan sama ada kita mahu demokrasi semata-mata atas nama demokrasi atau kita mahu demokrasi kerana manfaat yang ia dapat berikan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kemungkinan berulangnya tragedi perkauman seperti yang berlaku pada 13 Mei 1969 "sangat besar" jika kerajaan menjadi lemah atau kerajaan lain dipilih.

Peristiwa seperti keganasan kumpulan Al-Ma'unah di Sauk baru-baru ini boleh berulang jika kempen membenci yang dianjurkan oleh kumpulan agama tertentu tidak dihentikan, katanya.

"Benci adalah satu emosi yang kuat. Ia boleh mendorong manusia melakukan perkara tak disangka," kata Dr Mahathir.

Untuk menjamin pembangunan berterusan, kerajaan mestilah kuat dan

walaupun beliau tidak nampak Pas dapat membentuk kerajaan di masa depan, parti itu dan DAP boleh melemahkan kerajaan pimpinan Umno.

"Jika Pas menerusi kempennya menggalakkan rasa benci, dan DAP dengan perkaumannya, dapat menggugat Barisan Nasional dan menyebabkan majoriti BN dikurangkan, maka Malaysia akan mempunyai kerajaan yang tidak berkesan dan ia menjadi tidak stabil atau mampu berjaya daripada segi ekonomi," katanya.

Projek seperti Jambatan Pulau Pinang atau kereta Proton, yang kini dianggap perlu tetapi dulunya dikecam, mungkin tidak dapat dilaksanakan jika kerajaan mempunyai majoriti yang kecil.

Kerajaan Pas mungkin tidak dapat melaksanakan atau mencetuskan idea seperti yang dibuat oleh kerajaan BN, walaupun ada orang Melayu berpendapat tidak ada bezanya antara Pas dan Umno, kata Dr Mahathir.

"Daripada telahan saya, Malaysia di bawah pemerintahan Pas tidak akan stabil dan tidak akan maju. Malaysia mungkin melangkah ke belakang. Dasar dalaman dan hubungan dengan negara luar tidak akan berjaya. Walaupun mendakwa mana-mana kerajaanpun mampu buat apa yang kerajaan Barisan Nasional telah lakukan, nak bekalkan air di Kelantanpun ia tak mampu," katanya.

Tanpa merujuk kepada mana-mana negara secara khusus, Dr Mahathir berkata walaupun "negara-negara maju" menentang kerajaan Barisan Nasional sekarang dan ingin melihat kerajaan di Malaysia ditukar, beliau yakin mereka juga tidak akan menyukai sebuah kerajaan Pas.

"Mereka akan sibuk menggugat kerajaan yang kononnya Islam ini," katanya.

Dr Mahathir menyeru rakyat Malaysia supaya belajar daripada pengalaman dan tidak sekadar mencuba perkara-perkara baru untuk ditukar.

"Jika kita belajar daripada pengalaman, maka besar kemungkinan kita melangkah menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020," katanya.

-- BERNAMA

WAH MAI